



SIARAN AKHBAR

PNS AGIH ZAKAT PERNIAGAAN DAN BANTUAN PERSEKOLAHAN KEPADA MASYARAKAT

KUBU GAJAH 27 April – Perbadanan Nasional Berhad (PNS) terus melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan mengadakan pengagihan zakat perniagaan kepada golongan asnaf, masjid dan surau serta bantuan persekolahan kepada pelajar kurang berkemampuan melalui program turun padang di Kubu Gajah hari ini.

Pengagihan zakat perniagaan dan bantuan persekolahan disampaikan oleh Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), YB Dato' Seri Hamzah Zainudin di Arena Kampung Masjid, Kubu Gajah, Perak. Seramai 1,000 orang termasuk penduduk-penduduk sekitar Kubu Gajah hadir bagi menyaksikan program yang berlangsung.

Program pemberian zakat perniagaan dan bantuan persekolahan ini adalah sebagai salah satu inisiatif PNS bagi membantu masyarakat yang memerlukan yang melibatkan empat (4) kawasan iaitu Larut, Kubu Gajah, Matang dan Selama, Perak. PNS telah memperuntukkan bantuan zakat perniagaan sebanyak RM50,000 kepada 250 asnaf dan RM50,000 bantuan zakat kepada 16 masjid dan 17 surau di sekitar Kubu Gajah.

Pada program itu, PNS juga turut menyampaikan bantuan persekolahan berbentuk pemberian beg sekolah kepada 100 orang pelajar kurang berkemampuan di kawasan tersebut. Pemberian bantuan persekolahan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan merupakan antara usaha murni yang dijalankan bagi membantu pelajar-pelajar di sekitar kawasan mengurangkan kos perbelanjaan persekolahan.

Meskipun sumbangan tersebut tidak sebesar mana jika dihitung dengan wang ringgit, namun amat bermakna bagi keluarga terutama bagi pelajar terbabit kerana dapat meringankan beban dalam menyediakan kelengkapan persekolahan setiap tahun.

Sebagai sebuah agensi di bawah KPDNKK dan badan korporat, PNS tidak hanya memfokuskan cabang utama PNS dalam pembangunan francais, malah PNS turut cakna berkaitan hal kebajikan masyarakat. Program CSR kali ini merupakan program CSR kedua pada tahun ini selepas pengagihan cermin mata secara percuma kepada 164 penerima yang turut disampaikan oleh Menteri KPDNKK, YB Dato' Seri Hamzah Zainudin yang diadakan di Batu Kurau, Perak pada bulan Mac yang lalu.

Pengarah Urusan PNS, Ybhg. Dato' Syed Kamarulzaman bin Dato' Syed Zainol Khodki Shahabudin berkata "Program seperti ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan golongan yang kurang berkemampuan menerima bantuan dan dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik. Saya berharap dengan sumbangan zakat perniagaan yang diberikan dapat membantu masyarakat terutama golongan asnaf selain dapat membantu membuat penambahbaikan bagi masjid dan surau di sekitar kawasan ini. "

"Selain itu, PNS juga prihatin menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan, khususnya pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dalam melakukan persiapan persekolahan. Dengan kos sara hidup yang tinggi, ibu bapa kini begitu terbeban untuk menanggung perbelanjaan persekolahan anak-anak, Semoga usaha kecil yang dijalankan diharap dapat meringankan beban kewangan ibu bapa dan pelajar yang kurang berkemampuan, selain memberikan kegembiraan kepada mereka bagi meneruskan persekolahan. PNS berharap bantuan ini juga dapat menyuntik semangat kepada para pelajar terbabit supaya terus gigih dalam pelajaran." tambah beliau.

Sila hubungi Puan Hamidah Ibrahim, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat untuk urusan media melalui emel hamidah.ibrahim@pns.com.my atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7941.

Perbadanan Nasional Berhad (PNS) adalah sebuah agensi milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dibawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang diberi mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia. PNS mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakaran dalam memberikan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti.

PNS juga berperanan di dalam mempelopori dan menerajui pertumbuhan industri francais negara demi merealisasikan matlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang perniagaan francais. Salah satu objektif utama PNS adalah untuk membangunkan produk tempatan dan mengembangkannya ke luar negara. PNS juga menyediakan khidmat nasihat dan skim-skim khas bagi francaisor dan francaisi serta mengalu-alukan rakan francais ke Malaysia.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, PNS juga mempunyai lima pejabat koridor iaitu Pejabat PNS Wilayah Utara, Pejabat PNS Wilayah Timur, Pejabat PNS Wilayah Selatan, Pejabat PNS Wilayah Sabah dan Pejabat PNS Wilayah Sarawak yang bersedia menjalankan tanggungjawab bagi melahirkan lebih ramai francaisor dan francaisi bertahap antarabangsa.